

Pelaburan infrastruktur IDB pacu ekonomi Islam

UM - 22/3/2006

PUTRAJAYA 21 Mac - Bank Pembangunan Islam (IDB) boleh melakukan banyak perkara untuk membantu umat Islam dengan melabur dalam infrastruktur terutamanya di negara-negara Islam miskin serta merangsang pembangunan ekonomi mereka, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pengalaman Malaysia menunjukkan bahawa apabila jalan atau lebuh raya dibina, ia akan merancakkan ekonomi tempatan.

"Anda boleh lihat di sepanjang Lebuh raya Utara-Selatan, wujudnya bandar dan kawasan perindustrian," kata beliau, sambil menambah bahawa IDB juga dapat membantu membasmi kemiskinan dan mengukuhkan pendapatan rakyat dengan melabur dalam infrastruktur.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada Bernama dalam temuramah menjelang pelancaran Laporan Wawasan 1440 Hijrah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kuala Lumpur, Khamis ini.

Dr. Mahathir mengetuai suruhanjaya di bawah naungan IDB bagi mengeluarkan laporan yang menyediakan hala tuju IDB sebagai entiti yang lebih dinamik untuk membantu umat Islam di seluruh dunia dan menaikkan imej Islam.

Satu daripada cadangan suruhanjaya berkenaan ialah bagi IDB menerajui pergerakan 'pendidikan untuk semua'.

"Saya mengakui bahawa saya terpengaruh dengan pengalaman kita di Malaysia yang mana kita dapati wang yang dibelanjakan terhadap pendidikan selalunya memberi faedah kerana ia akan

Kita perlu mencari jalan untuk memastikan IDB tidak kehilangan wang tetapi dapat membantu mereka (negara Islam miskin) berkembang serta memiliki kekayaan

DR. MAHATHIR MOHAMAD

memberikan kita pulangan (yang baik).

"Di Malaysia, kita membelanjakan sejumlah besar wang untuk pendidikan," katanya.

Beliau berkata, suruhanjaya itu mendapati kadar buta huruf juga tinggi di beberapa negara Islam dan ini mengurangkan kemampuan untuk memaksimumkan potensi mereka. "Sesuatu perlu dilakukan," kata beliau.

Tambahnya, ia boleh dilakukan dengan mewujudkan lebih banyak institusi pendidikan di negara-negara yang amat memerlukannya atau menghantar rakyat mereka untuk mendapat pendidikan.

Untuk mencergaskan lagi aktiviti IDB, Dr. Mahathir berkata, bank itu telah melaksanakan operasi perbankannya dengan baik.

Sebagai contoh, kata Dr. Mahathir yang juga Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana, yayasan yang di-khususkan kepada pembangunan nasional dan kepimpinan Malaysia, IDB diberikan penarafan jangka panjang AAA oleh Standard & Poors.

Ia juga mewujudkan penubuhan lebih 30 institusi kewangan berasaskan Syariah di seluruh dunia.

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata, perkembangan bahagian operasi perbankannya tidak mendapat perhatian sewajarnya kerana pembangunan lazimnya

mendatangkan banyak risiko.

Beliau berkata, cara untuk mengatasi risiko ini amat penting dan anggota suruhanjaya berkenaan mempunyai idea mengenai bagaimana mereka boleh mempengaruhi tanpa menjejaskan prestasi bank.

Dr. Mahathir berkata, cara mengendalikan bank adalah sama sahaja di mana-mana kerana bank tidak akan memberi pinjaman kepada orang yang tidak boleh membayar balik.

"(Tetapi) mereka yang tidak dapat membayar balik itulah yang amat memerlukan bantuan.

"Jadi kita perlu mencari jalan untuk mengatasinya, bagi memastikan bank (IDB) tidak kehilangan wang tetapi dapat membantu mereka berkembang serta memiliki kekayaan," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, oleh sebab itu mereka perlu mengekalkan pembangunan ekonomi bagi membolehkan mereka membayar semula pinjaman bank pada suatu hari kelak.

- Bernama



DR. MAHATHIR MOHAMAD